




Istiadat Keberangkatan Balik
DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Setelah Tamat Tempoh Bertakhta Sebagai
DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke X.

26 April 1994 - 25 April 1999

Tempat : Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan Darul Khusus



**D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG KE X
TUANKU JA'AFAR IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN**

D.K., D.K.M., D.M.N., D.K.M.B. (Brunei)., D.K. (Kelantan)., D.K. (Kedah)., D.K. (Selangor).,
D.K. (Perlis)., D.K. (Johor)., D.K. (Pahang)., D.K. (Terengganu)., D.K. (Perak)

DYMM TUANKU JA'AFAR IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG KE X

DYMM Tuanku Ja'afar adalah putera kedua Almarhum Tuanku Abdul Rahman, DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pertama, telah diputerakan pada 19 Julai 1922 di Kelang, Selangor Darul Ehsan.

Pendidikan awal baginda bermula di Sekolah Melayu Seri Menanti dalam tahun 1928. Dalam tahun 1933, baginda telah melanjutkan pelajaran di Maktab Melayu Kuala Kangsar dan seterusnya melanjutkan pelajarannya di Raffles College, Singapura dalam tahun 1941. Oleh kerana Perang Dunia Kedua, pelajaran baginda telah terhenti.

Semasa pemerintahan Jepun, baginda telah bertugas di Pejabat Daerah Seremban dan dalam tahun 1946 telah dilantik sebagai Penolong Pegawai Daerah Rembau.

Oleh kerana minatnya dalam bidang pentadbiran dan perundangan, baginda telah diberi biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke Nottingham University, United Kingdom dalam jurusan undang-undang. Baginda telah berjaya mendapatkan ijazah *Bachelor of Law*. Selepas itu baginda telah melanjutkan pelajaran ke *Oxford University (Balliol College)* dalam jurusan ekonomi. Dalam tahun 1951, baginda telah memasuki *London School of Economics and Political Science* untuk meneruskan pelajaran dalam jurusan sains politik dan bahasa Perancis.

Sekembalinya ke Tanah Melayu dalam tahun 1952, baginda telah menjawat beberapa jawatan penting seperti berikut:

- ❑ 1952 – 1954: Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
- ❑ 1954 – 1955: Penolong Pegawai Daerah Parit, Perak
- ❑ 1955 – 1956: Pegawai Daerah Tampin
- ❑ 1957 – 1958: Setiausaha Pertama Suruhanjaya Tetap Persekutuan Tanah Melayu ke Bangsa-Bangsa Bersatu
- ❑ 1958 – 1962: Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom di London
- ❑ 1963 – 1965: Duta Malaysia ke Republik Gerakan Bersatu di Kaherah
- ❑ 1965 – 1967: Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Nigeria dan Ghana

Pada 21 April 1947, baginda telah dilantik menjadi Tuanku Muda Serting, salah seorang YAM Putera yang ke-4. Setelah kemangkatan Almarhum Tuanku Munawir, baginda telah dilantik menjadi DYMM Yang di-Pertuan Besar, Negeri Sembilan Darul Khusus pada 18 April 1967. Dalam tahun 1979 dan 1989, baginda telah dilantik oleh Majlis Raja-Raja menjadi DYMM Seri Paduka Baginda Timbalan Yang di-Pertuan Agong dan pada 26 April 1994, baginda pula telah dilantik menjadi DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke X.

Hubungan baginda dengan Sultan-sultan dan Raja-raja Melayu sangat akrab serta mesra dan baginda telah menerima anugerah DK, DMM, DKMB (Brunei), DK (Kelantan), DK (Kedah), DK (Selangor), DK (Perlis), DK (Johor), DK (Pahang), DK (Terengganu) dan DK (Perak). Baginda juga telah menerima anugerah luar negara seperti berikut:

- ☐ Commander Grand Cross, with Collar Piere Order of the White Rose (Finland)
- ☐ Collar of Civil Klerit (Sepanyol)
- ☐ Order of Sikatuna (Filipina)
- ☐ Collar De La Order Almerito De Chile (Chile)
- ☐ National Order of the Cruzeiro Do Sul (Brazil)
- ☐ Knight of the Royal Order of the Seraphim (Sweedan)
- ☐ Grand Cordon (Uruguay)

Baginda telah menjadi Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia sejak 16 April 1976 dan telah berusaha meningkatkan kualiti dan taraf pendidikan di dalam negara. Bagi mengenang jasa baginda dalam bidang pendidikan, baginda telah dianugerahkan 'Honorary Doctorate' berikut:

- ☐ Honorary Doctorate of Law, Ohio University
- ☐ Honorary Doctorate of Law, University of the Philipines
- ☐ Honorary Doctorate of Law, University of Nottingham
- ☐ Honorary Doctorate of Law, University of Santiago
- ☐ Honorary Doctorate of Law, University of Brunei Darulsalam

Baginda telah menamatkan alam remajanya pada 8 Ogos 1942 dan memilih DYMM Tuanku Ampuan Najihah Binti Tuanku Besar Burhanuddin sebagai pasangan hidup. Baginda berdua dikurniakan tiga orang putera dan tiga orang puteri.

Kecenderungan baginda dalam lapangan sukan telah berkembang sejak zaman persekolahannya. Semasa menuntut di Maktab Melayu Kuala Kangsar, baginda merupakan pemain bola sepak, hoki, kriket dan tenis yang handal dan mewakili pasukan Maktab. Baginda pernah mewakili negeri Perak dalam sukan tenis dan kriket. Memandangkan minat baginda dalam bola sepak, baginda pernah menjawat jawatan Naib Yang Di-Pertua Bola Sepak Perak.

Minat baginda dalam sukan terutama sekali bola sepak, hoki dan kriket kekal hingga sekarang. Di samping itu baginda juga terlibat dalam sukan golf. Demi minat ini, baginda menjadi Penaung DiRaja beberapa Persatuan Kriket dan Kelab Golf.



**D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG
TUANKU NAJIHAH BINTI AL-MARHUM TUNKU BESAR BURHANUDDIN**
D.K., D.M.N., D.K. (Kedah), S.P.T.J., S.P.M.K.

DYMM TUANKU AMPUAN NAJIHAH BINTI AL-MARHUM TUNKU BESAR BURHANUDDIN SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG

DYMM Tuanku Ampuan Najihah yang diputerikan pada 11 September 1924, telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Seri Menanti, Kuala Pilah dan kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Sekolah Tuanku Muhammad Kuala Pilah. Pendidikannya telah terganggu semasa Perang Dunia Kedua, tetapi telah meneruskan pendidikannya secara persendirian dan belajar bermain piano.

Pada 8 Ogos 1942, baginda telah diputerikan dengan DYMM Tuanku Ja'afar Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman dan hasil perkongsian hidup mereka telah dikurniakan tiga putera dan tiga puteri.


Semasa DYMM Tuanku Ja'afar melanjutkan pelajaran di United Kingdom, DYMM Tuanku Ampuan Najihah telah mengambil kesempatan menghadiri beberapa kursus dan mempelajari bahasa Perancis di *London School of Oriental Studies*. Baginda juga pernah menjadi ahli jawatankuasa *Associated Country Women of the World*.

Baginda aktif dalam sukan, terutama sekali hoki, bola jaring, badminton, menembak, tenis dan golf. Baginda juga memegang jawatan berikut :

- ☐ Presiden Pasukan Badminton Tuanku Ampuan
- ☐ Penaung Diraja Pasukan Hoki Wanita Malaysia
- ☐ Penaung Diraja Pasukan Bola Sepak Wanita Malaysia
- ☐ Penaung Diraja Pasukan Golf Wanita Malaysia
- ☐ Penaung Diraja Persatuan Golf Wanita Malaysia (MALGA)



**PADUKA SERI PEMANGKU YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
TUNKU LAXAMANA NAQUIYUDDIN IBNI TUANKU JA'AFAR ALHAJ
D.K.N.S., D.K.Y.R., S.P.N.S., P.P.T.**



TITAH ALU-ALUAN

PADUKA SERI PEMANGKU YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tanggal 24 April 1999 bersamaan 8 Muharam 1420 pasti tercatat sebagai salah satu lagi tarikh penting dalam sejarah Alam Beraja di Negeri Sembilan Darul Khusus apabila rakyat dari segenap lapisan masyarakat akan menyambut keberangkatan balik, D.Y.M.M. Tuanku Ja'afar Ibni Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman yang menamatkan tempoh bertakhta baginda sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke X dari 26 April 1994 hingga 25 April 1999.

Peristiwa ini akan disambut dengan penuh adat-istiadat menandakan kembalinya raja yang dikasihi ke pangkuan rakyat negeri, selari dengan keunikan Adat Perpatih yang menjadi pegangan rakyat Negeri Sembilan Darul Khusus.

Sebagai satu-satunya negeri beradat, pastinya seluruh rakyat yang cintakan rajanya tidak mahu melepaskan peluang untuk bersama-sama meraikan peristiwa yang penuh bermakna yang hanya berlaku hampir setengah abad sekali. Apa yang lebih membanggakan beta, Kerajaan Negeri dengan dokongan padu rakyat dari segala lapisan masyarakat telahpun mengatitkan pelbagai program sebagai tanda kasih untuk menyambut keberangkatan balik Tuanku. Beta yakin, adat yang unik ini akan dapat diteruskan sepanjang zaman kerana sesuatu yang datang dari rakyat itu adalah pancaran sebenar hati budi mereka.

Selain daripada acara menyambut keberangkatan balik baginda, pelbagai acara telah disusun di daerah Kuala Pilah, antaranya persembahan Tatoo, Larian Raja Melewar, Pementasan Peristiwa di Bukit Candu dan pelbagai pertunjukan kebudayaan yang lain.

Pada kesempatan ini, beta ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesungguhan yang ditunjukkan oleh pimpinan negeri yang mendapat sokongan padu pihak pentadbiran dan rakyat keseluruhannya bagi menjayakan adat-istiadat ini dengan penuh gilang-gemilang.

Sesungguhnya beta yakin, sesuatu yang lahir dengan penuh hati yang luhur itu akan membawa keberkatan.

ATUR CARA PROGRAM KEBERANGKATAN TIBA DI SERI MENANTI
24 APRIL 1999 (SABTU)
TEMPAT : SERI MENANTI

- 4.30 petang - Ketibaan dif-dif jemputan
- 4.45 petang - Istiadat menyambut keberangkatan tiba di Pintu Gerbang Istana
- Berarak ke Istana
 - Pertunjukan tradisional sepanjang jalan
 - Laluan sebelah kiri dipagari oleh pembawa bunga manggar
 - Laluan sebelah kanan dipagari oleh kelab Vespa, motosikal klasik, kereta antik
 - Gendang perang dipalu apabila kenderaan DiRaja sampai di Masjid Lama Seri Menanti
 - Kenderaan Di Raja melalui jalan dari Pusat Kesihatan ke Pintu Gerbang Istana. Gendang perang dan kompang dipalu secara bergilir. Persembahan kebudayaan kumpulan Cina, India dan Sikh di laluan dan kumpulan yang beratur di laluan kiri kanan melambaikan tangan
 - Setiba di Pintu Gerbang Istana, baginda berdua menyertai perarakan ke Istana dari Pintu Gerbang
 - Sambutan secara tradisional di laman istana
 - Baginda berdua melintasi laman istana diiringi dengan tiupan seruling dan gurindam
 - Beras kunyit ditabur setibanya di pintu istana
 - Jamuan Teh
 - Istiadat menyimpan alat-alat kebesaran
- 8.30 malam - Persembahan Tatoo oleh ATM 1 Briged
- Keberangkatan pulang Seri Paduka Tuanku Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan
 - Bersurai

**JAWATANKUASA INDUK SAMBUTAN KEBERANGKATAN BALIK
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG MALAYSIA
KE X KE NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.**

PENGERUSI

Tuan Haji Jemal Zainal bin Kasim

(Pegawai Daerah Kuala Pilah)

TIMBALAN PENGERUSI

Y.M Tengku Imam Tengku Dato' Seri Mahmud bin Tunku Besar Burhanuddin

(Anak Raja Bergelar)

Encik Ahmad bin Hashim

(Ketua Penolong Pegawai Daerah (P) Kuala Pilah)

SETIAUSAHA

Puan Jeswant Kaur a/p Mastan Singh

(Penolong Pegawai Daerah (S) Kuala Pilah)

AHLI JAWATANKUASA

Kdr. (B) Selamat bin Haji Saad

(Pengelola Bijaya Di Raja)

Y.M. Tengku Hashmudin bin Tengku Othman

(Istana Besar Seri Menanti)

Encik Khalid bin Ujang

(Jabatan Perpaduan Daerah Kuala Pilah)

Tuan Haji Che Ros bin Haji Abu

(Pegawai Hutan Daerah Kuala Pilah)

Encik Mhd. Razali bin Che Cob

(Jurutera Daerah Kuala Pilah)

Tuan Haji Jamil bin Abdullah Harun

(Ketua Polis Daerah Kuala Pilah)

Tuan Haji Nordin bin Haji Hamzah

(Setiausaha Majlis Daerah Kuala Pilah)

Encik Sulaimi bin Mat Yaakop

(Pengurus Business Daerah TNB Kuala Pilah)

Dr. Ghazali bin Othman

(Pegawai Kesihatan Daerah Kuala Pilah)

Encik Kamaruzaman bin Abdul Rahman

(Pemangku Pegawai Penjaga Balai Bomba Dan Penyelamat Malaysia Daerah Kuala Pilah)

Encik Sulaiman bin Abdul Hamid

(Ketua Daerah Perikanan Kuala Pilah)

Ir. Hanizan bin Deraman

(Jurutera Daerah JPS Kuala Pilah)

Tuan Haji Madzlan bin Borhan

(Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Pilah)

Encik Rofhaidi bin Zainal

(Pegawai Penerangan Daerah Kuala Pilah)

Encik Mohd Taufik bin Abdullah

(Penghulu Mukim Jempol/Kepis/Seri Menanti)

Puan Midah bte Yusop

(Ketua Pembantu Tadbir Pejabat Daerah Kuala Pilah)

Pegawai Pemerintah 1 Briged Kem Rasah

Universiti Kebangsaan Malaysia

YNS

URUS SETIA

Pejabat Daerah Kuala Pilah

25 APRIL 1999 (AHAD)
ACARA: PERSEMBAHAN TEATER UKM
TEMPAT : PADANG SERI MENANTI

- | | |
|-------------------------|---|
| 8.00 pagi
8.30 malam | <ul style="list-style-type: none">- Pertandingan Bola Sepak Tujuh Sebelah di Seri Menanti- Keberangkatan tiba Paduka Seri Tuanku Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan ke Pementasan.- Pementasan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia
(Tajuk : PERISTIWA DI BUKIT CANDU)- Keberangkatan pulang Paduka Seri Tuanku Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Tuanku Ampuan Besar Negeri Sembilan- Bersurai |
|-------------------------|---|

26 APRIL 1999 (ISNIN)
ACARA: SUKAN RAKYAT
TEMPAT : PADANG SERI MENANTI

- | | |
|--|--|
| 8.30 pagi
9.15 pagi
12.30 tengah hari
2.00 petang

8.30 malam | <ul style="list-style-type: none">- Pendaftaran para peserta- Sukan Rakyat (<i>Telematch</i>) dimulakan- Rehat- Sukan Rakyat diteruskan- Penyampain hadiah- Bersurai- Persembahan kebudayaan dan tarian daerah-daerah di padang Seri Menanti |
|--|--|

27 APRIL 1999 (SELASA)
ACARA: PERSEMBAHAN ALAHAI SI UJANG
TEMPAT : PADANG SERI MENANTI

- | | |
|------------|---|
| 8.30 malam | <ul style="list-style-type: none">- Persembahan Hiburan <i>Alahai Si Ujang</i> dimulakan
<u>Pelakon</u><ul style="list-style-type: none">• Hamid Gurka• Fauziah Nawi |
|------------|---|

- Ibrahim Akil
- Abby Yus
- dan lain-lain
- Bersurai

28 APRIL 1999 (RABU)

ACARA: PERMAINAN RAKYAT DAN PERTANDINGAN NYANYIAN OLEH RTM

TEMPAT : PADANG SERI MENANTI

2.30 petang

- Pendaftaran para peserta
- Pesta permainan rakyat dimulakan
- Rehat
- Pesta permainan rakyat diteruskan
- Pertandingan nyanyian untuk kanak-kanak
- Penyampain hadiah

8.30 malam

- Pertandingan nyanyian dewasa dimulakan
- Penyampaian hadiah
- Bersurai

29 APRIL 1999 (KHAMIS)

ACARA: LARIAN CABARAN RAJA MELEWAR

TEMPAT : PADANG SERI MENANTI

8.00 pagi

- Pendaftaran Peserta
- Pertandingan Larian Cabaran Raja Melewar dimulakan
- Pelepasan Oleh Y.B. Dato' Haji Lilah Bin Haji Yassin Pangkalan Linggi

Acara

- Ber'canoe' di Sungai Linggi dan Tanjung Agas ke Sungai Timun
- Berbasikal dari Sungai Timun ke Ulu Sepri
- Larian Merentas Hutan dari Ulu Sepri ke Seri Menanti

4.00 petang

- Persembahan nyanyian dan tarian daerah di Padang Seri Menanti

5.45 petang
6.00 petang

- Peserta-peserta larian dijangka sampai di Padang
- Penyampaian Hadiah untuk Cabaran Raja Melewar
- Bersurai

29 APRIL 1999 (KHAMIS)

ACARA: BACAAN TAHLIL

TEMPAT : MASJID TUANKU MUNAWIR SERI MENANTI

7.00 malam
7.10 malam

- Kedatangan orang ramai
- Keberangkatan tiba Paduka Seri Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Tuanku Ampuan Besar Negeri Sembilan
- Sembahyang Fardhu Maghrib
- Tahlil dan Doa Selamat
- Jamuan
- **FORUM PERDANA**
- Keberangkatan pulang Paduka Seri Yang di-Pertuan Besar negeri Sembilan dan Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan
- Bersurai

30 APRIL 1999 (JUMAAT)

ACARA: PERTUNJUKAN OLEH RTM

TEMPAT : PADANG SERI MENANTI

8.45 malam

- Pentas Hiburan RTM Negeri Sembilan
- Nostalgia 70-an

1 MEI 1999 (SABTU)

ACARA: PESTA TARIK TALI

TEMPAT : PADANG SERI MENANTI

7.30 pagi
8.00 pagi

- Pendaftaran para peserta
- Pesta tarik tali dimulakan

- | | |
|-------------------|-------------------------------|
| 12.30 tengah hari | - Rehat |
| 2.00 petang | - Pesta tarik tali diteruskan |
| 6.00 petang | - Penyampain hadiah |
| | - Bersurai |

1 MEI 1999 (SABTU)

TEMPAT : TASIK LONDAH NAGA SERI MENANTI

- | | |
|------------|--|
| 7.30 pagi | - Pendaftaran para peserta |
| 8.00 pagi | - Pertandingan memancing dimulakan |
| | - Penyampain hadiah |
| 8.30 malam | - Jamuan Rakyat di Padang Seri Menanti |
| | - Persembahan Artis-artis Handalan |
| | - Bersurai |

2 MEI 1999 (AHAD)

ACARA: PERTANDINGAN GOLF DAN MALAM MENJUNJUNG KASIH

TEMPAT : KELAB GOLF SERI MENANTI

- | | |
|------------|--|
| 7.30 pagi | - Pendaftaran para peserta |
| 8.00 pagi | - Pertandingan golf dimulakan |
| | - Penyampaian hadiah |
| | - Bersurai |
| 8.30 malam | - Keberangkatan tiba Paduka Seri Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan |
| | - Persembahan Artis |
| | - Keberangkatan pulang Paduka Seri Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Tuanku Ampuan Besar Negeri Sembilan |
| | - Persembahan diteruskan |
| | - Bersurai |



Penghargaan

Pengerusi dan Jawatankuasa Induk Istiadat Keberangkatan Balik Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia Ke X ke Negeri Sembilan Darul Khusus merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbangkan pemikiran dan tenaga bagi menjayakan acara-acara istiadat:

Keberangkatan Balik

D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Tuanku Ja'afar Ibni Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman
Setelah Tamat Tempoh Bertakhta Sebagai
D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke X.

Allah Lanjutkan Usia

D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
dan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong

